

Najib pilihan mahasiswa

» Kaji selidik di tiga universiti dapati kepemimpinan PM disenangi, paling layak mengetuai kerajaan

Oleh Norakmah Mat Youb
norakmah@bharian.com.my

► Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak paling popular dalam kalangan mahasiswa dan lebih layak menjadi Perdana Menteri berbanding pemimpin pakatan pembangkang.

Ini berdasarkan kaji selidik Yayasan Ehwal Siswazah (YES) bertajuk *Kajian*

Maklum Balas Pengundi Mahasiswa membatik 3,000 responden dari tiga universiti, bulan lalu.

Tiga universiti itu ialah Universiti Malaysia (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Senangi PM

Pengerusi YES, Datuk Mohd Radzi Abd Latif, berkata 57 peratus mahasiswa yang menyertai kaji selidik itu menyenangi kepemimpinan Perdana Menteri dengan pecahan UKM sebanyak 75.1 peratus, UPM (67.4 peratus) dan UM (41.4 peratus). **● Nasional 6**

Rakyat Selangor, Pulau Pinang mahu Najib

● Dari muka 1

“Secara purata, 59 peratus responden berasal dari negeri pembangkang termasuk Selangor dan Pulau Pinang mengakui Najib pilihan utama sebagai Perdana Menteri,” katanya di sini, semalam.

Kajian yang dijalankan pada 9 hingga 21 Disember 2012 membatik mahasiswa berusia 21 tahun ke atas yang pernah mengundi dan bakal mengundi kali pertama

pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13).

Kaji selidik itu dibentangkan Penyarah Jabatan Pentadbiran dan Politik UM, Muhammad Asri Mohd Ali; Felo Penyelidik Utama Institut Pengajian Sosial UPM, Prof Emeritus Datuk Dr Sulaiman Md Yassin dan Penyarah Kanan Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran UKM, Prof Madya Dr Mohd Fuad Mat Jali.

Mohd Radzi berkata, Barisan Nasional (BN) juga dijangka memenangi PRU-13.

40 peratus belum buat keputusan

Bagaimanapun, 68 peratus responden masih tidak pasti untuk memilih parti mana bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN), manakala 40 peratus lagi masih belum membuat keputusan untuk kerusi Parlimen pada PRU-13.

“Kita dapati pengundi atas pagar kunci utama penentu kepada kejayaan sesebuah parti.

“Mereka dilihat akan membuat keputusan di saat akhir berdasarkan kempen sepan-

jang pilihan raya,” katanya.

Majoriti pilih Najib

Sementara itu, Sulaiman berkata, 67.4 peratus daripada mahasiswa UPM yang menyertai soal selidik itu memilih Najib sebagai calon paling layak menjadi Perdana Menteri.

Beliau berkata, ia mengatasi pemimpin parti lain termasuk Ketua Umum PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang dan Penasihat DAP, Lim Kit Siang.